



PRASARANA MALAYSIA BERHAD

(No. Syarikat: 467220-U)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

Prasarana Malaysia Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan LRT Laluan Ampang, Laluan Sri Petaling, Laluan Kelana Jaya, KL Monorail dan rangkaian bas di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kuantan, Kamunting serta Bus Rapid Transit ("BRT") Laluan Sunway dan terkini telah dilantik sebagai pengendali Mass Rapid Transit ("MRT") Jajaran Sungai Buloh-Kajang ("SBK").

KENYATAAN TENDER				
TAJUK TENDER & NO. TENDER	KELAYAKAN & PENDAFTARAN	TEMPAT/TARIKH PENJUALAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER & BUTIRAN PEMBAYARAN	TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
"TYRE MANAGEMENT SERVICES FOR RAPID BUS SDN BHD – RAPIDKL, MRT FEEDER BUS AND BRT SUNWAY" RBSB/BPD/E/001/2020	<u>TENDER TERBUKA</u> Terbuka kepada semua syarikat yang memenuhi syarat-syarat WAJIB seperti di bawah; 1. Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ; DAN 2. Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam pengurusan "Tyre Management Services".	Jabatan Perolehan Bus, Rapid Bus Sdn Bhd, Aras 1, Bangunan Logistik, Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan, Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor. 21 Ogos 2020 (Jumaat) hingga 2 September 2020 (Rabu) dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang Pada waktu pejabat (kecuali Cuti Umum, Sabtu & Ahad)	RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) (tidak dipulangkan) dalam bentuk 'Bank Draft' atau 'Banker's Cheque' pembayaran kepada Rapid Bus Sdn Bhd	Jabatan Perolehan Bus, Rapid Bus Sdn Bhd, Aras 1, Bangunan Logistik, Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan, Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor. pada 1 Oktober 2020 (Khamis) sebelum 12.00 tengah hari

1. Petender yang berminat adalah dipelawa untuk menyertai tender di atas dan **WAJIB** memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan serta menghadiri **Taklimat dan Lawatan Tapak** seperti berikut.

Tarikh	: 19 Ogos 2020 (Rabu)
Masa	: 10.00 pagi
Tempat	: Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan, Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor
Nota	1) Petender yang berminat dinasihatkan menghantar wakil yang mempunyai pengetahuan mengenai tender dan kontrak bagi kerja yang dimaksudkan serta diberi hak kuasa mewakili pihak syarikat. 2) RapidBus kini mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Oleh itu, kami menasihati Petender untuk mematuhi penjarakkan sosial dan memakai topeng muka di kawasan awam sepanjang sesi taklimat dan lawatan tapak.

2. Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual mulai tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan pembelian Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas tarikh yang tertera.

3. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada wakil petender yang sah (*bona fide*) sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil petender **DIWAJIBKAN** membawa **surat pengesahan** sebagai wakil dari petender bersama **salinan BORANG 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM))** yang **TELAH DISAHKAN ("CERTIFIED TRUE COPY")** oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A bagi mengesahkan kelayakan petender.

4. Petender daripada syarikat atau anak syarikat yang mempunyai kaitan dengan Petender sepertimana termaktub dalam definisi di Akta Syarikat 1965 tidak boleh mengemukakan tawaran Tender untuk perkhidmatan seperti dinyatakan di atas. Sebarang pelanggaran syarat ini boleh mengakibatkan tawaran Tender ditolak dan dibatalkan.

5. Semua Petender adalah diperingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/ 53/WP (140/97), 23 Jun 2005].

6. Sebarang pertanyaan mengenai Tender di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Bas di talian 03-8946 2000 smbg. 1426/1429 atau email kepada farah@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini atau profil Kumpulan Prasarana boleh dilayari di laman web kami www.myrapid.com.my.